



Anwar bersama Nassuruiddin pada Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI peringkat negeri Kelantan di RTC Tunjong, Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

PM bawa 4 khabar gembira buat rakyat Kelantan

Kerajaan naik taraf LTSIP, beli pam air pesawat RM20j, bina maahad tahfiz dan selesai KIR miskin tegar

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Kota Bharu: Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Kelantan sempena Sambutan Aidilfitri MADANI malam kelmarin, membawa bersama pelbagai khabar gembira buat seluruh rakyat negeri ini.

Di sebalik perbezaan politik di antara negeri dan Pusat, Kerajaan Persekutuan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim membuktikan beliau tidak sekali-kali mengabaikan kepentingan rakyat Kelantan.

Dalam ucapannya di hadapan kira-kira 15,000 rakyat di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di sini, Perdana Menteri mengumumkan empat berita baik buat Kelantan.

Antaranya, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) Pengkalan Chepa akan dijadikan lapa-

ngan terbang antarabangsa dengan menambah landasan 400 meter.

Menerusi penambahan landasan berkenaan membolehkan perjalanan haji dan umrah terus dari Kelantan.

Perdana Menteri juga mengarahkan pembelian 20 unit pam air bagi kegunaan pesawat memabatkan nilai RM20 juta disegerakan memandangkan Kelantan kini berdepan kemarau berpanjangan.

Pada masa sama, Anwar turut memberi jaminan lebih 1,000 ketua isi rumah (KIR) miskin tegar di negeri itu akan diselesaikan dalam masa dua bulan.

Selain itu, Perdana Menteri berjanji akan menyegerakan pelaksanaan projek bekalan air di Kelantan, selain membina maahad tahfiz baharu.

Malah, pengumuman gembira itu turut mendapat sorakan dan tepukan daripada rakyat Kelantan yang ternyata gembira dengan berita baik itu.

Rundingan secara langsung

Anwar menerusi ucapan turut menegaskan, pergeseran berte-rusan tidak akan menguntungkan rakyat dan berjanji melaksanakan projek yang memberi manfaat tanpa memilih negeri.

Perdana Menteri turut menyifatkan kunjungannya ke Kelantan juga dianggap luar biasa apa-

bila pertama kali diadakan rundingan secara langsung di antara pimpinan negeri dan Kerajaan Pusat yang turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali, beberapa menteri dan pegawai kanan.

Menerusi pengumuman berita baik yang berterusan hasil beberapa siri kunjungan ke Kelantan, ternyata Anwar berjaya mengetepikan stigma Kelantan di anak tiri dalam aspek pembangunan.

Rakyat Kelantan juga semestinya menyifatkan kunjungan Perdana Menteri itu ibarat durian runtuh buat Kelantan apabila disertai dengan berita baik yang memberi kemudahan kepada rakyat negeri itu.

Besar harapan rakyat hubungan baik di antara Kerajaan Pusat dan negeri sentiasa berterusan dengan mengene-pikan perbezaan politik.

Malah, Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruiddin Daud, dalam ucapannya turut berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana melayan Kelantan dengan baik sebagaimana negeri lain.

"Bagi saya musim berpolitik adalah lima tahun sekali ketika pilihan raya. Selepas diberi mandat, Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri mesti memberi tumpuan kepada rakyat dan ini adalah tanggungjawab kita," katanya.